

B 8037 AAB

MAHATHIR - PERBUALAN

(I)

KUALA LUMPUR, 24 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGEMUKAKAN DUA SOALAN MENGENAI +PEMIKIRAN KOMPUTER+ KEPADA SEORANG SAINTIS KOMPUTER DI WASHINGTON DALAM +PERBUALAN TELEKOMUNIKASI+ SELAMA 45 MINIT MELALUI HUBUNGAN SATELIT.

+PERBUALAN TELEKOMUNIKASI+, SEMPENA MINGGU SAINS DAN TEKNOLOGI ASEAN YANG DIADAKAN DI SINI, JUGA DISERTAI OLEH SATU PANEL TERDIRI DARIPADA SEORANG WAKIL DARI SETIAP NEGARA ANGGOTA ASEAN.

SAINDIS YANG MENJAWAB SOALAN-SOALAN MEREKA IALAH DR RAYMOND KURZWEIL, PENERUSI KURZWEIL APPLIED INTELLIGENCE INCORPORATED, YANG DIPILIH SEBAGAI +SAINDIS MUDA TERKEMUKA 1978.+

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG MENGEMUKAKAN SOALAN PERTAMA JUGA MENGAKHIRI +PERBUALAN TELEKOMUNIKASI+ DENGAN MENANYAKAN BAGAIMANAPUN +PEMIKIRAN KOMPUTER+ BOLEH MENGUBAH KEADAAN MASAKINI YANG MENYEBABKAN KOMODITI-KOMODITI UTAMA YANG DIKELUARKAN OLEH NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TERJEJAS OLEH GANTIAN-GANTIAN YANG DITEMUI HASIL TEKNOLOGI BARU. -- LAGI.

1624MST 24 04 86

B 8038 AAB

MAHATHIR - PERBUALAN 2 KUALA LUMPUR

(I)

KETIKA MENJAWABNYA, DR KURZWEIL BERSETUJU BAHAWA TEKNOLOGI KOMPUTER MENGGUNAKAN AMAT SEDIKIT SUMBER-SUMBER TABII DAN BERKATA BAHAWA SAMA ADA IA BOLEH MERUGIKAN BERGANTUNG KEPADA KEMAMPUAN SESEBUAH NEGARA MEMPERGUNAKAN TEKNOLOGI ITU UNTUK KEPENTINGANNYA.

+PERBUALAN TELEKOMUNIKASI- DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA ITU DIPENGERUSIKAN OLEH PENGARAH URUSAN SIME DARBY HAJI SALLEH MASDUKI DAN DISAKSIKAN OLEH BERATUS-RATUS ORANG TETAMU. -- BERNAMA.

1625MST 24 04 86